



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP8: GARIS PANDUAN MENGENAI PERAKAUNAN UNTUK GERAN/BANTUAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B (1) Akta Koperasi 1993 bertujuan untuk menerangkan cara-cara mengakaunkan penerimaan dan penggunaan geran/bantuan yang diberikan oleh kerajaan atau badan-badan lain kepada koperasi.

LATARBELAKANG

2. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mewujudkan Program Bantuan Pembangunan kepada koperasi-koperasi dalam bentuk bantuan kewangan.
3. Selain menerima bantuan daripada SKM, koperasi juga menerima geran/bantuan sama ada dalam bentuk tunai atau aset (komputer, tanah, bangunan) daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak lain seperti FELCRA, KEDA, kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, Konsortium dan Kesatuan. Geran/bantuan ini adalah untuk pelbagai tujuan seperti geran pelancaran, modal pusingan, pelaburan, penyelesaian hutang pinjaman jangka panjang dan sebagainya.

PENGENALAN

4. Garis panduan ini bertujuan memberikan penerangan yang jelas berkaitan perlakuan akaun (*accounting treatment*) untuk geran/bantuan kerajaan sama ada dalam bentuk tunai atau aset yang diterima oleh koperasi agar penyata kewangan yang disediakan oleh koperasi memberikan gambaran yang benar dan saksama khususnya berkaitan geran/bantuan kerajaan selaras dengan piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (FRS 120) dan kehendak SKM.

5. **Geran** ditakrifkan sebagai bantuan yang diterima dalam bentuk pemindahan sumber kepada sesuatu entiti yang memenuhi di masa lalu dan akan datang terhadap kriteria-kriteria tertentu yang berkaitan aktiviti-aktiviti operasi entiti tersebut.¹

6. **Bantuan** ditakrifkan sebagai tindakan oleh kerajaan atau badan-badan lain bertujuan untuk memberikan manfaat ekonomi yang spesifik kepada sesuatu entiti atau kumpulan entiti-entiti yang berkelayakan di bawah kriteria tertentu.¹

7. **Geran/bantuan yang berkaitan dengan aset** adalah geran/bantuan di mana syarat utamanya menghendaki entiti berkenaan membeli, membina ataupun memperoleh aset jangka panjang.¹

8. **Geran/bantuan yang berkaitan dengan pendapatan** adalah geran/bantuan selain daripada yang berkaitan dengan aset.¹ Ia lebih berbentuk subsidi untuk perbelanjaan yang spesifik.

¹ Rujuk Piawai FRS 120 para 3

PENGIKTIRAFAN DAN PERSEMBAHAN GERAN/BANTUAN

9. Geran/bantuan tidak akan diiktiraf sehingga terdapat kepastian munasabah berkaitan: ²

- (a) entiti tersebut mematuhi syarat-syarat berkaitan bantuan dan
- (b) geran/bantuan tersebut akan diterima.

10. Perlakuan akaun (*accounting treatment*) bagi geran/bantuan terbahagi kepada dua iaitu:

- (a) geran/bantuan berkaitan dengan aset
- (b) geran/bantuan berkaitan dengan pendapatan

Geran/Bantuan Berkaitan Dengan Aset

11. Geran/bantuan yang berkaitan dengan aset (contohnya, untuk ubahsuai bangunan kedai) hendaklah diiktirafkan sebagai pendapatan mengikut tempoh dan amaun susut nilai yang dikenakan ke atas aset tersebut. ³

12. Terdapat dua cara persembahan akaun bagi geran/bantuan yang berkaitan dengan aset iaitu:

- (a) menunjukkan geran/bantuan sebagai pendapatan tertanggung di mana pendapatan diiktiraf secara sistematik mengikut usia guna aset tersebut. ⁴
- (b) geran/bantuan dipelaraskan dengan (*writing off against*) kos aset. Kos aset dikurangkan dan aset disusutnilaikan berdasarkan kos selepas pelarasan. ⁵

² Rujuk Piawai FRS 120 para 7

³ Rujuk Piawai FRS 120 para 17

⁴ Rujuk Piawai FRS 120 para 24 dan 27

⁵ Rujuk Piawai FRS 120 para 24 dan 28

13. Cara persembahan geran/bantuan di para (b) hanya digalakkan bagi aset yang nilainya adalah kecil. Dalam Nota kepada akaun perlu dinyatakan setiap tahun amaun kos aset yang dipelaraskan dengan geran/bantuan bagi menunjukkan kos sebenar aset (selagi aset tersebut masih wujud) dengan rujukan kepada surat tawaran geran/bantuan.

14. Contoh persembahan geran/bantuan berkaitan aset adalah seperti di **Lampiran 1**.

15. Sekiranya geran/bantuan yang diterima melebihi harga aset yang dibeli, maka baki lebihan tersebut boleh terus ditunjukkan sebagai butiran **geran/bantuan** di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa di Kunci Kira-Kira selagi ia belum selesai digunakan.

16. Contoh persembahan bagi geran/bantuan yang melebihi harga aset adalah seperti di **Lampiran 2**.

17. Geran/bantuan juga boleh dalam bentuk pindahan aset bukan dalam bentuk tunai seperti tanah atau sumber-sumber lain untuk kegunaan entiti. Dalam keadaan ini, aset tersebut lazimnya dinilai bagi menentukan nilai saksama dan kedua-dua geran/bantuan dan aset diakaunkan pada nilai saksama yang ditentukan.⁶

18. Bagi tanah pajakan yang dapat ditentukan nilainya, koperasi hendaklah melunaskan susut nilai tanah tersebut mengikut tempoh pajakan dengan akaun geran tanpa menunjukkannya sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi.

19. Bagi tanah milik bebas yang tidak melibatkan susut nilai, koperasi hendaklah menunjukkan kos tanah tersebut sebagai butiran **aset geran/bantuan** di bahagian Aset Tetap dan sebagai butiran **geran/bantuan** di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa di Kunci Kira-Kira dengan amaun yang sama.

⁶ Rujuk Piawai FRS 120 para 23

20. Contoh persembahan geran/bantuan berkaitan tanah anugerah adalah seperti di **Lampiran 3**.

21. Dalam keadaan di mana geran/bantuan aset yang diterima tidak dapat ditentukan nilainya daripada agensi pembekal, maka satu nilai *nominal* perlu dinyatakan bagi menunjukkan kewujudannya. Perincian aset yang diterima juga perlu dinyatakan dalam Nota kepada Akaun.

22. Bagi tanah anugerah yang dinilai semula, ia adalah tertakluk kepada perenggan 55(1)(b) Akta Koperasi 1993 iaitu perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya dan segala keuntungan daripada penilaian semula hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal.

23. Contoh persembahan bagi geran/bantuan aset yang tidak dapat ditentukan nilainya adalah seperti di **Lampiran 4**.

Geran/Bantuan Berkaitan Dengan Pendapatan

24. Bagi geran/bantuan yang berkaitan dengan pendapatan (aktiviti/projek atau operasi) dan menyatakan secara khusus tujuan penggunaannya (contohnya, untuk belian stok, belanja promosi produk dan belanja penyelidikan produk), maka ia hendaklah diiktirafkan sebagai pendapatan mengikut tempoh yang perlu dipadankan dengan kos-kos yang berkaitan dengan tujuan pemberian geran/bantuan tersebut, secara sistematik.⁷

⁷ Rujuk Piawai FRS 120 para 16

25. Geran/bantuan yang diberikan tanpa dinyatakan secara khusus atau tidak dapat ditentukan tujuan penggunaannya (contohnya, sebagai modal pusingan atau geran pelancaran), ia sewajarnya dikreditkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan sebagai pelarasan bukan operasi tidak lebih daripada 10% daripada jumlah perbelanjaan am operasi semasa (di Akaun Untung Rugi Induk seperti dalam Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan Koperasi). Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan koperasi memindahkan keseluruhan amaun geran ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan dan seterusnya membayar dividen dan honorarium daripada keuntungan tersebut.

26. Sekiranya geran/bantuan yang diterima melebihi belanja yang terlibat, maka baki lebihan tersebut hendaklah terus ditunjukkan sebagai butiran **geran/bantuan** di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa di Kunci Kira-Kira selagi ia belum selesai digunakan.

27. **Dalam keadaan di mana geran/bantuan yang diterima dikreditkan ke Akaun Perdagangan atau Akaun Untung Rugi, amaun tersebut tidak boleh digunakan sebagai asas untuk membayar dividen, honorarium dan pembahagian lain di bawah subseksyen 57(5) Akta Koperasi 1993.**

28. Contoh persembahan geran/bantuan berkaitan pendapatan adalah seperti di **Lampiran 5**.

Geran/bantuan sebagai pampasan

29. Berdasarkan piawaian perakaunan, geran/bantuan yang diterima sebagai pampasan untuk perbelanjaan atau kerugian yang telah berlaku (contohnya bantuan kecemasan akibat banjir) atau untuk tujuan pemberian bantuan kewangan segera kepada entiti yang tidak melibatkan kos-kos berkaitan di masa hadapan (*no future related costs*) sewajarnya diiktirafkan sebagai pendapatan dalam tempoh ia diterima dan ditunjukkan sebagai butiran luar biasa, sekiranya bersesuaian.⁸

⁸ Rujuk Piawai FRS 120 para 20

30. Walau bagaimanapun, adalah lebih wajar geran/bantuan yang diterima sebagai pampasan ditunjukkan sebagai:

- (a) pendapatan dalam Akaun Untung Rugi sekiranya ia diterima dalam tahun kewangan yang sama di mana perbelanjaan atau kerugian itu berlaku atau
- (b) pelarasan bukan operasi dalam Akaun Pembahagian Keuntungan iaitu selepas pembahagian berkanun dan pembahagian lain jika ia diterima dalam tahun kewangan berikutnya.

31. Contoh persembahan geran/bantuan berkaitan pampasan adalah seperti di **Lampiran 6**.

Geran/bantuan untuk menjelaskan baki pinjaman

32. Bagi geran/bantuan yang diterima untuk menjelaskan baki pinjaman, ia sewajarnya ditunjukkan sebagai butiran **geran/bantuan** di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa di Kunci Kira-Kira dan akan terus wujud dalam akaun koperasi bagi mengelakkan koperasi daripada dikenakan bayaran untuk Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi memandangkan wang geran/bantuan telahpun digunakan (*offset*) untuk menyelesaikan tunggakan pinjaman.

33. Contoh persembahan geran/bantuan untuk penjelasan baki pinjaman adalah seperti di **Lampiran 7**.

Geran/bantuan yang melibatkan projek yang diserahkan kepada pihak ketiga

34. Bagi geran/bantuan yang melibatkan projek yang diserahkan kepada pihak ketiga untuk menguruskannya (tidak dijalankan oleh koperasi sendiri), maka geran/bantuan tersebut perlu ditunjukkan sebagai **pelaburan dalam projek** di bawah Aset Separa Tetap di Kunci Kira-Kira.

35. Sebarang pulangan/keuntungan yang diperoleh daripada projek tersebut boleh ditunjukkan sebagai pendapatan dalam Akaun Untung Rugi koperasi.
36. Sekiranya berlaku kerugian dalam projek, koperasi boleh mempelaraskan kerugian projek tersebut dengan geran/bantuan yang diterima mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat tawaran geran/bantuan.
37. Sekiranya berlaku penamatan dalam projek tersebut, koperasi hendaklah mempelaraskan kos pelaburan projek tersebut dengan geran/bantuan yang diterima mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat tawaran geran/bantuan.
38. Contoh persembahan geran/bantuan bagi projek yang diserahkan kepada pihak ketiga adalah seperti di **Lampiran 8**.

Geran/bantuan digunakan bagi tujuan bayaran Fi Masuk dan Modal Syer Anggota

39. Geran/bantuan yang diberi sebagai geran pelancaran bagi tujuan bayaran fi masuk dan modal syer anggota, koperasi perlu mempelaraskan geran/bantuan dengan modal syer anggota dan fi masuk.
40. **Fi Masuk yang menggunakan geran/bantuan dan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi tidak boleh digunakan sebagai asas untuk membayar dividen, honorarium dan pembahagian lain di bawah subseksyen 57(5) Akta Koperasi 1993.**
41. Contoh persembahan geran/bantuan bagi tujuan bayaran fi masuk dan modal syer anggota adalah seperti di **Lampiran 9**.
42. Sekiranya terdapat jenis geran/bantuan yang tidak diterangkan dalam garis panduan ini, panduan secara berasingan mengenai perlakuan akaun akan diberikan mengikut kes.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

43. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Garis Panduan ini dan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh:

9/2/2010

Contoh Persembahan Geran/Bantuan Berkaitan Dengan Aset

1. Geran/Bantuan ditunjukkan sebagai pendapatan tertangguh (Melalui Akaun Untung Rugi)

- (a) Contohnya koperasi menerima bantuan pengukuhan di bawah sub-bantuan fizikal sebanyak RM10,000 bagi membiayai belanja pengubahsuaian kedai dalam tahun 2007 yang berjumlah RM50,000.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM10,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan (Pendapatan Tertangguh)	RM10,000
		Debit	-	Aset-ubahsuai kedai	RM50,000
		Kredit	-	Bank	RM50,000

- (b) Pada akhir tahun 2007, koperasi akan pindah sebahagian daripada geran/bantuan kepada Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan berdasarkan kepada kadar susut nilai yang dikenakan iaitu 20% setahun (susut sama rata). Oleh itu, amaun yang akan diiktiraf sebagai pendapatan ialah sebanyak RM2,000 ($RM10,000 \times 20\%$).

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan (Pendapatan Tertangguh)	RM2,000
		Kredit	-	Akaun Untung Rugi	RM2,000

- (c) Pada masa yang sama, aset ubahsuai kedai akan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun (5 tahun).

Catatan Akaun	:	Debit	-	Susut nilai aset	RM10,000
		Kredit	-	Aset-ubahsuai kedai	RM10,000

- (d) Persembahan di **Akaun Untung Rugi** untuk tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN

Geran/Bantuan RM2,000

PERBELANJAAN

Perbelanjaan Am:

Susut nilai aset - ubahsuai kedai RM10,000

- (e) Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		
Aset (Ubahsuai Kedai)	1	40,000
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>xx</u>
		<u>xxx</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<u>xx</u>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan(Pendapatan Tertanggung)	2	8,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>x</u>
		<u>xxx</u>

NOTA 1 – ASET GERAN/BANTUAN

	RM
Kos Ubahsuai Bangunan	50,000
Tolak : Susutnilai	(10,000)
	<hr/>
	40,000
	<hr/> <hr/>

NOTA 2 – GERAN/BANTUAN (PENDAPATAN TERTANGGUH)

	RM
Geran/Bantuan yang diterima dalam tahun	10,000
Tolak : Pindah ke Akaun Untung Rugi	(2,000)
	<hr/>
	8,000
	<hr/> <hr/>

2. Geran/Bantuan dipelaraskan dengan kos aset

- (a) Dengan menggunakan contoh yang sama, catatan perakaunan yang terlibat untuk penerimaan geran/bantuan ubahsuai kedai dan belanja pengubahsuaian kedai adalah sama iaitu:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM10,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM10,000
		Debit	-	Aset-ubahsuai kedai	RM50,000
		Kredit	-	Bank	RM50,000

- (e) Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		
Aset (Ubahsuai Kedai)	1	32,000
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<hr/> xx <hr/> xxx <hr/>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<hr/> xx <hr/>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan	2	-
LIABILITI BUKAN SEMASA		<hr/> x <hr/> xxx <hr/>

NOTA 1 – ASET UBAHSUAI KEDAI

	RM
Kos Ubahsuai Kedai	50,000
Tolak : Pelarasan dengan geran/bantuan	(10,000)
	<hr/> 40,000
Tolak : Susut nilai	(8,000)
Baki Pada 31.12.2007	<hr/> 32,000 <hr/>

NOTA 2 – GERAN/BANTUAN

	RM
Geran/Bantuan yang diterima dalam tahun	10,000
Tolak : Pelarasan dengan aset	(10,000)
Baki Pada 31.12.2007	<hr/> - <hr/>

Contoh Persembahan Geran/Bantuan Yang Melebihi Harga Aset

1. Contohnya, koperasi telah menerima bantuan penstrukturan di bawah Sub-Bantuan Aktiviti Perkhidmatan sebanyak RM8,000 dalam tahun 2007 untuk tujuan membeli mesin jahit. Dalam tahun tersebut, koperasi hanya membelanjakan sebanyak RM2,000 untuk membeli 1 unit mesin jahit. Kadar susut nilai yang dikenakan ialah 20% setahun.

Dengan menggunakan kaedah persembahan geran/bantuan sebagai pendapatan tertangguh, maka catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM8,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan (Pendapatan Tertangguh)	RM8,000
		Debit	-	Aset Geran/Bantuan (mesin jahit)	RM2,000
		Kredit	-	Bank	RM2,000

2. Pada akhir tahun 2007, koperasi akan pindah sebahagian daripada geran/bantuan kepada Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan berdasarkan kepada kadar susut nilai yang dikenakan iaitu 20% setahun (susut sama rata). Oleh itu, amaun yang akan diiktiraf sebagai pendapatan ialah sebanyak RM400 (RM2,000 x 20%).

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan (Pendapatan Tertangguh)	RM400
		Kredit	-	Akaun Untung Rugi	RM400

3. Pada masa yang sama, aset mesin jahit akan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun (5 tahun).

Catatan Akaun	:	Debit	-	Susut nilai aset	RM400
		Kredit	-	Aset Geran/Bantuan	RM400

- (a) Persembahan di **Akaun Untung Rugi** untuk tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN	
Geran/Bantuan	RM400
PERBELANJAAN	
Perbelanjaan Am:	
Susut nilai aset – mesin jahit	RM400

- (b) Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		xx
Aset Geran/Bantuan	1	1,600
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		xx
		xxx
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		xx
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan (Pendapatan Tertanggung)	2	7,600
LIABILITI BUKAN SEMASA		x
		xxx

NOTA 1 – ASET GERAN/BANTUAN

	RM
Kos Mesin Jahit	2,000
Tolak : Susutnilai	(400)
	<hr/>
	1,600
	<hr/> <hr/>

NOTA 2 – GERAN/BANTUAN (PENDAPATAN TERTANGGUH)

	RM
Geran/Bantuan yang diterima dalam tahun	8,000
Tolak : Pindah ke Akaun Untung Rugi	(400)
	<hr/>
	7,600
	<hr/> <hr/>

Geran/Bantuan Dalam Bentuk Tanah Anugerah

1. Contohnya, dalam tahun 2007 koperasi telah menerima geran/bantuan dalam bentuk tanah anugerah daripada kerajaan negeri yang bernilai RM495,000 dengan tempoh pajakan selama 99 tahun.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Aset Geran/Bantuan (tanah anugerah)	RM495,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM495,000

2. Pada akhir tahun 2007, koperasi akan mempelaraskan susut nilai tanah pajakan dengan geran/bantuan iaitu sebanyak RM5,000 setahun berdasarkan tempoh pajakan. (RM495,000 dibahagikan dengan 99 tahun).

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan	RM5,000
		Kredit	-	Aset Geran/Bantuan (tanah anugerah)	RM5,000

3. Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		
Aset Geran/Bantuan	1	490,000
ASET SEPARA TETAP		xx
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>xx</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<u>xx</u>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan	2	490,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>x</u>
		<u>xxx</u>

NOTA 1 – ASET GERAN/BANTUAN

	RM
Kos Tanah Anugerah	495,000
Tolak : Susut nilai diselaraskan dengan geran/bantuan	(5,000)
Baki Pada 31.12.2007	<u><u>490,000</u></u>

NOTA 2 – GERAN/BANTUAN

	RM
Geran/Bantuan yang diterima dalam bentuk tanah anugerah	495,000
Tolak : Pelunasan susut nilai	(5,000)
Baki Pada 31.12.2007	<u><u>490,000</u></u>

Contoh persembahan bagi geran/bantuan aset yang tidak dapat ditentukan nilainya

1. Contohnya, dalam tahun 2007 koperasi telah dianugerahkan tanah kerajaan seluas 170 ekar dalam Mukim Hutan Melintang Daerah Hilir Perak yang mana tidak dapat ditentukan nilainya. Dalam keadaan ini, satu nilai nominal akan diakaunkan (contohnya RM10) bagi menunjukkan kewujudannya.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Aset Geran/Bantuan (tanah anugerah)	RM10
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM10

2. Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		xx
Aset Geran/Bantuan	1	10
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>xx</u>
		<u>xxx</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<u>xx</u>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan	1	10
LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>x</u>
		<u>xxx</u>

NOTA 1- ASET GERAN/BANTUAN

Kos Tanah Anugerah

RM10

Koperasi telah dianugerahkan tanah kerajaan seluas 170 ekar dalam Mukim Hutan Melintang Daerah Hilir Perak dalam tahun 2007 yang mana tidak dapat ditentukan nilainya.

Contoh Persembahan Geran/Bantuan Berkaitan Dengan Pendapatan

1. Geran/Bantuan ditolak daripada perbelanjaan yang berkaitan

- (a) Contohnya, koperasi diberi bantuan penstrukturan di bawah Sub-bantuan Aktiviti Pemasaran sebanyak RM100,000 dalam tahun 2007 bagi tujuan membiayai kos promosi dan pemasaran produk.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM100,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM100,000

- (b) Dalam tahun 2007, koperasi telah membelanjakan sebanyak RM30,000 untuk pengiklanan.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Belanja iklan	RM30,000
		Kredit	-	Bank	RM30,000

- (c) Oleh kerana belanja iklan merupakan sebahagian daripada kos promosi produk, maka ia boleh dipelaraskan dengan geran/bantuan yang diterima.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan	RM30,000
		Kredit	-	Akaun Untung Rugi	RM30,000

- (d) Persembahan di **Akaun Untung Rugi** untuk tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN

Geran/Bantuan RM30,000

PERBELANJAAN

Perbelanjaan Am:

Belanja iklan RM30,000

- (e) Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		xx
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<hr style="border: 1px solid black;"/> xx <hr style="border: 1px solid black;"/> xxx <hr style="border: 1px solid black;"/>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<hr style="border: 1px solid black;"/> xx <hr style="border: 1px solid black;"/>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan	1	70,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		<hr style="border: 1px solid black;"/> x <hr style="border: 1px solid black;"/> xxx <hr style="border: 1px solid black;"/>

NOTA 1 – GERAN/BANTUAN

	RM
Geran/bantuan yang diterima dalam tahun	100,000
Tolak : Belanja iklan	(30,000)
	<hr/>
Baki Pada 31.12.2007	70,000
	<hr/> <hr/>

2. Geran/Bantuan dikreditkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan

- (a) Contohnya, koperasi menerima bantuan pengukuhan di bawah sub-bantuan fizikal dalam tahun 2007 sebanyak RM20,000 bagi tujuan modal pusingan, maka catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM20,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM20,000

- (b) Dalam keadaan di mana jumlah belanja am operasi koperasi bagi tahun 2007 ialah sebanyak RM50,000, maka amaun geran/bantuan maksimum yang boleh dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan sebagai pelarasan bukan operasi ialah sebanyak RM5,000 (10% x RM50,000).

Catatan Akaun		Debit	-	Geran/Bantuan	RM5,000
		Kredit	-	Akaun Pembahagian Keuntungan	RM5,000

- (c) Persembahan di **Akaun Pembahagian Keuntungan** untuk tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
Untung Bersih Tahun Semasa		xxxx
Tolak : Pembahagian Berkanun		
Kumpulan Wang Rizab Statutori		x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		x
		<hr/> xx <hr/>
Untung Selepas Pembahagian Berkanun		xxx
Tolak : Pembahagian Lain		
Dividen		xx
Honorarium		x
		<hr/> xx <hr/>
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		x
Campur : Pelarasan Bukan Operasi	1	5,000
		<hr/> xxx <hr/>
Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun		xx
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun		<hr/> xxxx <hr/> <hr/>

NOTA 1 – PELARASAN BUKAN OPERASI

koperasi telah menerima bantuan pengukuhan sebanyak RM20,000 dalam tahun 2007 bagi tujuan modal pusingan dan sebanyak RM5,000 daripada bantuan ini telah digunakan untuk membiayai 10% daripada jumlah perbelanjaan am operasi koperasi.

- (d) Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		xx
ASET SEMASA		xxx
LIABILITI SEMASA		xx
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>xx</u>
		<u>xxx</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		xx
Akaun Untung Rugi Terkumpul		x
Kumpulan Wang Anggota		<u>xx</u>
Kumpulan Wang Rizab		x
Geran/Bantuan	1	15,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>x</u>
		<u>xxx</u>

NOTA 1 – GERAN/BANTUAN

	RM
Geran/Bantuan yang diterima dalam tahun	20,000
Tolak : Pindah ke Akaun Pembahagian Keuntungan	(5,000)
Baki Pada 31.12.2007	<u><u>15,000</u></u>

Contoh persembahan geran/bantuan berkaitan pampasan

1. Pampasan diterima dalam tahun kewangan yang sama

- (a) Contohnya, koperasi menerima bantuan pengukuhan sebanyak RM5,000 dalam tahun 2007 bagi tujuan membaik pulih bangunan kedai koperasi yang ditenggelami banjir yang menelan belanja upah pembaikan sebanyak RM8,000. Catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM5,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM5,000
		Debit	-	Belanja upah pembaikan	RM8,000
		Kredit	-	Bank	RM8,000

- (b) Sekiranya pampasan diterima dalam tahun kewangan yang sama dengan kerugian/perbelanjaan berkaitan berlaku, maka geran/bantuan boleh ditunjukkan sebagai pendapatan dalam Akaun Untung Rugi.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan	RM5,000
		Kredit	-	Akaun Untung Rugi	RM5,000

- (c) Persembahan di **Akaun Untung Rugi** untuk tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN

Geran/Bantuan RM5,000

PERBELANJAAN

Perbelanjaan Am:

Upah pembaikan kerosakan banjir RM8,000

2. Pampasan diterima dalam tahun kewangan yang berikutnya (selepas kerugian berlaku)

- (a) Dengan menggunakan contoh yang sama, catatan perakaunan yang terlibat untuk penerimaan bantuan pengukuhan sebanyak RM5,000 yang diterima dalam tahun berikutnya iaitu tahun 2008 adalah seperti berikut:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM5,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM5,000

- (b) Oleh kerana pampasan diterima dalam tahun kewangan yang berikutnya iaitu selepas tahun kewangan kerugian/perbelanjaan berkaitan berlaku, maka geran/bantuan ditunjukkan sebagai pelarasan bukan operasi dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan	RM5,000
		Kredit	-	Akaun Pembahagian Keuntungan	RM5,000

- (c) Persembahan di **Akaun Pembahagian Keuntungan** untuk tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
Untung Bersih Tahun Semasa		xxxx
Tolak : Pembahagian Berkanun		
Kumpulan Wang Rizab Statutori		x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		x
		<hr/> xx <hr/>
Untung Selepas Pembahagian Berkanun		xxx
Tolak : Pembahagian Lain		
Dividen		xx
Honorarium		x
		<hr/> xx <hr/>
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		x
Campur : Pelarasan Bukan Operasi	1	<hr/> 5,000 <hr/>
		xxx
Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun		xx
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun		<hr/> xxxx <hr/> <hr/>

NOTA 1 – PELARASAN BUKAN OPERASI

koperasi telah menerima bantuan pengukuhan sebanyak RM5,000 dalam tahun 2008 bagi tujuan membaik pulih bangunan kedai koperasi yang ditenggelami banjir dalam tahun 2007.

Geran/Bantuan Bagi Penyelesaian Pinjaman

1. Contohnya, koperasi menerima geran/bantuan sebanyak RM1.5 juta daripada kerajaan persekutuan untuk menjelaskan tunggakan pinjaman jangka panjang dalam tahun 2007.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM1.5 juta
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM1.5 juta

2. Apabila koperasi menggunakan wang tersebut untuk menjelaskan hutang pinjaman, maka catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Pinjaman J/Panjang	RM1.5 juta
		Kredit	-	Bank	RM1.5 juta

3. Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		XX
ASET SEMASA		XXX
LIABILITI SEMASA		XX
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>XX</u>
		<u>XXX</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		XX
Akaun Untung Rugi Terkumpul		X
Kumpulan Wang Anggota		<u>XX</u>
Kumpulan Wang Rizab		X
Geran/Bantuan	1	1,500,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Pinjaman Jangka Panjang	2	-
Liabiliti Lain		X
		<u>X</u>
		<u>XXX</u>

NOTA 1 – GERAN/BANTUAN

Koperasi telah menerima geran/bantuan sebanyak RM1.5 juta daripada kerajaan persekutuan dalam tahun 2007 bagi menjelaskan tunggakan pinjaman jangka panjangnya dengan Bank Rakyat yang mana telahpun digunakan sepenuhnya dalam tahun yang sama untuk tujuan tersebut.

NOTA 2 – PINJAMAN JANGKA PANJANG (BANK RAKYAT)

Baki pinjaman pada 1.1.2007	RM1.5 juta
Tolak: Bayaran melalui geran yang diterima	(RM1.5 juta)
Baki pinjaman pada 31.12.2007	<u>-</u>

Geran/Bantuan Untuk Pelaburan

1. Contohnya, dalam tahun 2007 koperasi menerima bantuan sebanyak RM200,000 untuk projek ternakan lembu yang mana diuruskan sepenuhnya oleh syarikat lain.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM200,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM200,000

2. Jika kesemua wang tersebut digunakan untuk melabur dalam projek tersebut , maka catatan perakaunannya ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Pelaburan Projek Lembu	RM200,000
		Kredit	-	Bank	RM200,000

3. Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET TETAP		XX
ASET SEPARA TETAP		
Pelaburan Dalam Projek Lembu	1	200,000
ASET SEMASA		XXX
LIABILITI SEMASA		XX
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>XX</u>
		<u>XXX</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		XX
Akaun Untung Rugi Terkumpul		X
Kumpulan Wang Anggota		<u>XXX</u>
Kumpulan Wang Rizab		X
Geran/Bantuan	1	200,000
LIABILITI BUKAN SEMASA		<u>X</u>
		<u>XXX</u>

NOTA 1 – GERAN/BANTUAN

Koperasi telah menerima menerima bantuan sebanyak RM200,000 untuk projek ternakan lembu yang mana diuruskan sepenuhnya oleh Syarikat ABC Berhad.

Geran/Bantuan Untuk Bayaran Fi Masuk Dan Modal Syer Anggota

1. Contohnya, dalam tahun 2008 koperasi telah menerima bantuan sebanyak RM30,000 sebagai geran pelancaran bagi tujuan bayaran fi masuk dan modal syer anggota.

Catatan Akaun	:	Debit	-	Bank	RM30,000
		Kredit	-	Geran/Bantuan	RM30,000

2. Jika dalam tahun tersebut, terdapat kemasukan 50 anggota baru di mana fi masuk dan modal syer ditanggung oleh geran yang diterima, maka catatan perakaunan yang terlibat (dengan andaian fi masuk dan modal syer minimum setiap orang ialah RM10 dan RM100 masing-masing):

Catatan Akaun	:	Debit	-	Geran/Bantuan	RM5,500
		Kredit	-	Fi Masuk	RM500
		Kredit	-	Modal Syer Anggota	RM5,000

3. Selain itu, koperasi juga telah mencarum sebanyak RM5,000 daripada geran yang diterima dalam Koperasi Nasional. Catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Catatan Akaun	:	Debit	-	Pelaburan dalam Koperasi Nasional	RM5,000
		Kredit	-	Bank	RM5,000

4. Persembahan di Akaun Untung Rugi pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN

Fi Masuk RM500

PERBELANJAAN

Perbelanjaan Am:

5. Persembahan di **Kunci Kira-Kira** pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	NOTA	RM
ASET SEPARA TETAP		
Pelaburan Dalam Koperasi Nasional		5,000
ASET SEMASA		
Wang Di Bank		25,000
		<u>30,000</u>
Dibiayai oleh:		
Modal Syer Anggota		5,000
Untung Terkumpul		500
Geran/Bantuan	1	24,500
		<u>30,000</u>

NOTA 1 – GERAN/BANTUAN

Koperasi telah menerima menerima bantuan sebanyak RM30,000 sebagai geran pelancaran bagi tujuan bayaran modal syer anggota.

	RM
Geran/bantuan yang diterima dalam tahun	30,000
Tolak : Fi Masuk	(500)
Modal Syer Anggota	(5,000)
	<u>24,500</u>
Baki Pada 31.12.2008	<u><u>24,500</u></u>

RUJUKAN:

1. **FRS 120 Accounting for Government Grants and Disclosure of Government Assistance** (MASB)
2. **Financial Reporting Standards for Malaysia** (Second Edition)
(Jane Lazar, Huang Ching Choo)
3. **Kriteria Bantuan Pembangunan** (SKM)